

Bicara HEP

Ke arah menjana
minda warga
kampus



UNIVERSITI MALAYA


Tarikh: 22/06/2001 bersamaan 30 Rabiulawal 1422H

• Keluaran Jumaat •

Bil: 01

Dari Meja TNC (HEP)

Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (HEP) menggantikan Profesor Dato' Dr. Firdaus Hj. Abdullah bermula 2 Jun 2001.



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

"Sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), saya ingin menjadi bapa dan kawan kepada semua pelajar Universiti Malaya untuk membimbing pelajar ke arah kesejahteraan. Saya berdoa semoga pelajar terus memberi kerjasama dan Tuhan memakbulkan niat ini. Saya akan menulis dengan lebih terperinci dalam keluaran berikutnya mengenai isu-isu semasa yang penting bagi kita bersama."

- Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

Biodata

Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob memperolehi Ijazah BDS (Otago, New Zealand, 1975), MSc (London, 1978), FDSRCPS (Glasg, 1986), Dip. Pengajian Islam (UIA, 1992). Beliau telah dianugerahkan Ijazah FDSRCS (Eng) Ad eundem oleh Royal College of Surgeons of England (1995), FFOP (RCPA) oleh Royal College of Pathologists of Australasia (1996), CBiol (Chartered Biologists) oleh Institute of Biology, United

bersambung di muka surat 3

ILMU ALLAH DAN ILMU MANUSIA

Ilmu adalah milik Allah yang mutlak. Tugas mencari ilmu ke atas penganut-penganut Islam adalah tanggungjawab yang tidak ada penghujungnya. Ia bermula dari dalam buaian hingga ke liang lahad.

Dalam menjelaskan tanggungjawab terhadap ilmu, Rasulullah s.a.w. telah membahagikan manusia kepada lima golongan:

- (i) Mualim (guru yang mengajar ilmu)
- (ii) Penuntut ilmu (yang berpandukan kitab dan mencatat)
- (iii) Pendengar ilmu
- (iv) Orang yang kasih kepada ilmu (kasih kepada tiga golongan di atas)
- (v) Orang yang tidak tergolong di dalam mana-mana empat golongan di atas.

Untuk itu, Rasulullah telah menjelaskan bahawa golongan yang kelima akan rosak binasa.

Gesaan Islam agar penganutnya meneroka dan mencari ilmu pengetahuan yang penuh keberkatan adalah satu motivasi rohani yang cukup bermakna. Usaha mencari ilmu tidak wajar berhenti sesudah memiliki sijil, diploma, Ijazah atau sesudah bergelar Profesor, pakar dan seumpamanya. Seseorang itu akan sedar bahawa semakin banyak ilmu yang diterima dan ditemui, semakin banyak yang tidak diketahuinya. Dengan kata lain, pengembangan ilmu sedang berlaku dalam dirinya dan mendatangkan manfaat kepadanya.

Ilmu yang diketahui dan dimiliki oleh manusia adalah ibarat setitik air

yang jatuh ke dalam lautan luas berbanding ilmu yang dimiliki oleh Allah, Pencipta alam ini. Adalah tidak wajar manusia bersikap angkuh, bangga diri dan ego dengan ilmu yang mereka miliki tanpa rasa ingin bersyukur kepada Allah, Pemilik ilmu yang sebenar. Malah sifat dan nama Allah itu sendiri adalah Maha Mengetahui (Al-'Aliim).

Manusia harus sedar bahawa mereka terlalu sedikit ilmunya di sisi Allah Ta'ala. Al-Quran telah menceritakan secara panjang lebar kisah teladan ilmu Allah yang tinggi kepada manusia melalui kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir. Kisah ini dipendekkan seperti berikut:

Setelah berkenalan dan bercakap, Nabi Musa menyatakan hasratnya ingin hidup bersama Nabi Khidir dan menuntut ilmu darinya.

bersambung di muka surat 2

Khidir berkata, "Saudara tidak tahan nanti mengikut saya."

Musa menjawab pula, "Insya-Allah! Saya akan sabar dan tidak akan derhaka kepada saudara."

Selepas kedua-duanya bertemu, lalu kedua-duanya pun berjalan menyusur pantai. Tiba-tiba nampak oleh mereka sebuah perahu kepunyaan anak negeri melintas di hadapan Nabi Musa dan Nabi Khidir, lalu kedua-duanya pun melompat naik ke atas perahu itu tanpa dipelawa.

Tiba-tiba terbang melayang di atas kepala mereka seekor burung pipit yang amat kecil, lalu hinggap di hujung perahu. Burung itu menyentuhkan hujung paruhnya yang halus itu ke permukaan air laut. Burung itu minum, kemudian terbang melayang sehingga lenyap dari pandangan Nabi Musa dan Nabi Khidir.

Pada saat itu berkatalah Khidir kepada Musa, "Hai Musa, adakah engkau melihat apa yang dilakukan oleh burung pipit tadi?"

Nabi Musa menjawab dengan segera, "Ya, saya lihat burung itu minum air laut."

Berkata Khidir, "Tahukah engkau berapa banyak air laut yang diminumnya dan berapa pula banyaknya air laut yang masih tertinggal di lautan itu?"

Berkata Musa, "Air yang diminum burung itu sedikit sekali, mungkin hanya satu titis sahaja, sedangkan air laut yang masih tertinggal di lautan, banyak sekali, sebab laut itu tidak terbatas luasnya. Luas dan luas sekali; dalam dan dalam sekali."

"Baiklah," ujar Khidir, "syaratnya jangan tanyakan apa-apa nanti, tentang apa yang saya akan lakukan sebelum saya nyatakan maksudnya kepada saudara."

Musa berjanji akan memenuhi syarat itu. Kedua-duanya pun meneruskan perjalanan menyusur pantai. Tidak lama kemudian, mereka melihat sebuah kapal belayar. Segera mereka menumpang kapal itu. Nabi Khidir merosakkan dinding kapal itu, namun kerana mukjizatnya dan keizinan Allah, kapal itu dapat terus belayar.

Melihat perlakuan Khidir, Musa bertanya, "Mengapa saudara merosakkan kapal ini? Bukankah ini terlarang dalam agama kita?"

"Apa kataku tadi! Jangan tanyakan walau apa pun yang kekerjakan," jawab Khidir dengan tegas.

Musa berkata pula: "Oh, ya! Maaf saudara. Sudah kulanggarkah janjiku?"

Kemudian mereka turun dari kapal dan kembali lagi menyusuri pantai. Mereka melihat seorang anak kecil bermain-main. Nabi Khidir memegang anak itu dan membunuhnya. Melihat hal itu, Musa merasa kasihan dan bersalah seterusnya mempersoalkan perbuatan itu.

Khidir berkata, "Saudara sudah lupa akan janji-janji saudara. Jangan tanyakan lagi; nanti saudara tidak kbolehkan ikut terus. Untuk kali ini, kumaafkan."

Mereka meneruskan perjalanan hingga sampai ke negeri Antakiah. Mereka meminta makanan ke sana ke mari, tetapi seorangpun tidak mahu memberinya. Kedua-duanya terus juga berjalan sehingga mereka melihat sebuah rumah yang hampir roboh. Nabi Khidir menghampiri rumah itu dan membaikinya.

Musa bertanya sebab Nabi Khidir membaiki rumah itu, padahal orang-orang kampung itu sangat degil dan kikir, tidak mahu memberi mereka makanan. Untuk kali ini Nabi Khidir tidak memaafkan Nabi Musa dan melarang Musa mengikutinya.

Nabi Khidir berkata, "Dengarlah! Kuterangkan apa sebab kulakukan semua itu tadi. Kapal kurosakkan sebab pemiliknya adalah seorang

miskin. Di seberang laut itu ada seorang raja yang suka merampas kapal-kapal yang belum ada cacatnya; jadi maksudku supaya kapal itu tidak dirampas oleh raja yang zalim itu.

Anak yang kubunuh tadi ialah kerana kelak jika ia dewasa, ia sangat melawan dan derhaka kepada orang tuanya. Daripada ia derhaka nanti dan akan mengubah keimanan ayahnya, kerana cintanya kepada anaknya, lebih baik ia mati sahaja pada waktu kecil. Itulah maksudku membunuh anak itu.

Rumah yang kuperbaiki tadi kepunyaan dua orang anak yatim piatu, Asyram dan Syarim namanya. Orang tuanya menyimpan harta pusaka di bawah dinding rumah itu. Jika dinding itu rosak, tentu harta itu diketahui orang. Sebab itu kuperbaiki, jika mereka besar nanti tentu mereka mengetahui sendiri harta itu. Saudara Musa! Pekerjaanku itu semuanya bukan kerana kemahuanku sendiri, tetapi ilham daripada Allah. Selamat tinggal saudara!"

Sewaktu akan pergi Nabi Khidir menasihati Musa katanya, "Janganlah saudara menuntut ilmu hanya untuk diperkatakan sahaja, tetapi hendaklah ia diamalkan."

Inilah antara gambaran kisah teladan yang telah ditunjukkan oleh Allah kepada umat masa kini sebagai peringatan tentang ceteknya ilmu manusia yang dimiliki kini. Untuk itu, kesedaran umat untuk terus mengejar ilmu tidak sewajarnya bersifat terhad dan mati sebaliknya sahutlah seruan Rasulullah s.a.w agar menuntut ilmu sehingga ke negeri China. Dengan kata lain, disiplin ilmu yang dikehendaki dan dimiliki biarlah meluas dan menyelesaikan. Jadikanlah ilmu sebagai pelita hidup yang akan menerangi kita di dunia maupun akhirat. Ikhlaskan diri untuk terus menghargai dan bersyukur dengan sedikit ilmu yang Allah izinkan untuk kita miliki dan kita akan terus mengejar ilmu tanpa titik akhir. Wallahu 'Alam.

Renungan dari Al-Quran Petikan Surah Al-Baqarah Ayat 30 – 38

“30. – Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.” Mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikah (Khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui”. 31. – Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama benda-benda seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman: “Sebutkan kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar.” 32. – Mereka menjawab: “Maha suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” 33. – Allah berfirman: “Hai Adam beritahuhanlah kepada mereka nam-nama benda ini.” Maka setelah diberitahuhan kepada mereka nam-nama benda itu Allah berfirman: “Bukankah sudah Ku katakan kepada mu, bahawa sesungguhnya Aku mengetahui rahsia langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa ang kamu sembunyikan?” 34. – Dan (ingatlah)

ketika Kami berfirman kepada para Malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam,” maka sujudlah mereka kecuali Iblis; ia enggan dan takabbur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir. 35. – Dan kami berfirman; “Hai Adam diamilah oleh kamu dan isteri-mu syurga ini dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik di mana saja yang kamu sukai dan janganlah kamu dekati pohon ini yang akan menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang zalim. 36. – Lalu keduanya digelincirkan oleh syaitan dari syurga itu dan keduanya dikeluarkan dari keadaan asal dan Kami berfirman: “Turunlah kamu, sebahagian kamu menjadi musuh bagi yang lain dan bagi kamu ada tempat kediaman di bumi dan kesenangan hidup sampai waktu yang ditentukan.” 37. – Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhan-nya, maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. 38. – Kami berfirman: “Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang petunjuk-Ku kepadamu, maka barang-siapa yang mengikuti petunjuk-Ku nescaya tidak ada kekhawatiran atas mereka dan tidak pula mereka bersedih hati.”

Aku Hanya Mahu Ke Seberang

Hashim Yaacob

Kupahat cengal menjadi perahu dayungnya teras tembusu.
Layar bertingkat kapas gulung tiangnya tegap kayu nibung.
Panjinya kain suluk atma tenunan kekasih di kamar waja.

Esok, perahu akn ke air,
mengharung samudera,
meninggalkan pantai
melawan ombak dan badai

Perahu kecil, lautnya ganas.

Tenanglah laut, kuala dan muara.
Ombak jangan gila melanda.
Tiuplah bayu pada layarku laju.
Dayung jangan patah
layar jangan rekah
tiang jangan rebah.

Tuhan,
Aku hanya mahu ke seberang.

Pesan Sayyidina Ali r.a.

“Ketahuilah bahawa ilmu pengetahuan adalah lebih baik daripada harta benda, sebab ilmu pengetahuan dapat menjaga dirimu, sedangkan harta benda engkaulah yang harus menjaganya. Ilmu pengetahuan adalah pihak yang berkuasa, sedangkan harta benda adalah pihak yang dikuasai. Harta benda akan berkurangan jika dibelanjakan, sedangkan ilmu pengetahuan akan bertambah-tambah jika diberikan kepada orang lain.”

Biodata TNC (HEP)

sambungan dari muka surat 1

Kingdom (1996), dan FASc (Fellow of the Academy of Science) oleh Akademi Sains Malaysia (2000). Beliau pernah menjawat jawatan Dekan, Fakulti Pergigian, Universiti Malaya (1987–1989, 1994–2001). Beliau adalah seorang Komander di dalam Pasukan Sukarela Simpanan Tentera Laut DiRaja Malaysia. Beliau telah menulis dan mengedit empat buah antologi puisi, tiga daripadanya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan pernah beberapa kali memenangi hadiah penulisan puisi di peringkat kebangsaan. Ciptaan produk farmasutikal “REMOPAIN” beliau telah memenangi Pingkat Perak di Pertandingan Antarabangsa Pencipta yang diadakan di Geneva pada tahun 2001.

Kenali Warga HEP

Sebagai **Timbalan Pendaftar** Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), beliau telah berkhidmat di Universiti Malaya sejak 27 Mac 1970. Beliau berasal dari Kuala Lipis, Pahang dan kini menetap di Kuala Lumpur. Beliau mendapat ijazah pertama di Universiti Malaya seterusnya menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Pentadbiran Awam di University of Southern California, Los Angeles (1982–1983). Beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan seperti Perjawatan, Fakulti Pendidikan, Akademi Islam, Institut Pengajian Tinggi, Canselori dan kini di Bahagian Hal Ehwal Pelajar.



Puan Rohani Ramly

Beliau meletakkan harapan kepada pelajar agar menjadi insan berkualiti, yang mampu menghayati nilai-nilai murni dan boleh menyumbang kepada bangsa, agama dan negara. Untuk HEP, beliau berharap untuk menjadi pengerak utama pembangunan pelajar dengan pengurusan yang cekap, inovatif dan berilitzam. Beliau menasihatkan pelajar agar mengutamakan kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi serta meningkatkan disiplin diri dan menguruskan masa dengan bijak.

Untuk HEP beliau berharap agar staf dan pegawai memahami dan mematuhi peraturan dan susun atur perjalanan kerja termasuk struktur hierarki autoriti, seterusnya bersikap ikhlas, profesional, komited dengan tugas, sentiasa memperbaiki diri untuk meningkat pengetahuan dan kemahiran demi perkhidmatan yang lebih baik.

Pemimpin Persatuan Pelajar

Beliau berasal dari Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Dilahirkan pada 2 April 1979, beliau telah berjaya dipilih sebagai Presiden Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPMUM) untuk sesi 2000/2001 melalui pilihanraya kampus yang telah dijalankan. Sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya, beliau bersekolah di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang. Kini beliau berada di tahap akhir Jabatan Syariah Pengurusan, Akademi Pengajian Islam.



Mohamad Fuad
Mohd Ikhwan

Al-Fatihah

Pelajar **Zarohan bin Wan Ahmad**, pelajar tahap akhir fakulti Ekonomi dan Pentadbiran telah kembali ke Rahmatullah pada hari Isnin, 17 Jun 2001, akibat kemalangan di Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Allahyarham berasal dari Bachok, Kelantan.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berharap agar mereka terus tabah menghadapi takdir Allah. Sama-sama kita menghadiahkan Al-Fatihah untuk Allahyarham.

Dairi HEP

23 & 24 Jun 2001

- Bengkel Latihan dan Pembangunan, Pengurusan Organisasasi/Persatuan.

25, 26 & 27 Jun 2001

- Pertemuan TNC (HEP) dengan pemimpin persatuan pelajar bertempat di Kompleks Perdanasiswa.

30 Jun & 1 Julai 2001

- Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Dewan Tunku Canselor.

Iklan

Persatuan-persatuan pelajar dan kolej kediaman yang berminat untuk mengiklankan kegiatan persatuan atau kolej kediaman boleh menghantar maklumat secara bertulis/disket ke alamat:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhrulrazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrulrazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh